# NOTICE TO CUSTOMERS ON PERSONAL DATA PROTECTION

BNP Paribas Group and the BNPP CIB Malaysia Entities (as set out below) treat your personal data seriously.

**"BNPP CIB Malaysia Entities"** means BNP Paribas Malaysia Berhad, BNP Paribas Labuan Branch and BNP Paribas Capital (Malaysia) Sdn Bhd.

In this Notice, unless otherwise stated, all references to **"BNPP", "BNP Paribas", "we", "us"** or **"our"** in this statement shall include all BNP Paribas Group entities that process personal data.

This Notice is issued by the BNP Paribas Group and the BNPP CIB Malaysia Entities and only relates to processing carried out by companies within the BNP Paribas Group. BNPP is not responsible for the processing of any personal data which you may provide directly to third parties.

Any third-party websites accessed via a BNPP website are not covered by this Notice and any links to other websites have been provided merely for convenience.

## 1. INFORMATION RELATING TO EMPLOYEES AND OTHER INDIVIDUALS

1.1 We may collect personal data concerning you, your Officers and other individuals in the ordinary course of our relationship with you either directly from you, from an analysis of your, your Officers and other individuals' transactions, from authorised third parties or any other person or indirectly by other means, example from websites etc. Personal data includes information such as name, age, gender, identity card number, passport number, date of birth, education, race, ethnicity, nationality, creditworthiness, email address, sensitive personal data such as physical or mental health or medical condition, dietary preference, commission or alleged commission of any offence or proceedings for any offence committed or alleged to have been committed including past misconduct, the disposal of such proceedings or the sentence of any court in such proceedings).

1.2 It is up to you whether to supply us with the personal data requested by us. However, failure to supply any of the personal data may result in our being unable to open or maintain an Account or provide a Product or service to you or continue with any transaction or dealing with you or discuss any other opportunities with you or deal with other matters.

1.3 ALL personal data concerning you, your Officers and other individuals (whether provided by you or any other person, and whether provided before or after the date you receive this Notice) may be disclosed to and used by any of the persons below: -

(a) any of our Officers, external auditors and insurers;

(b) any other member of the BNP Paribas Group and their Officers or any other person acting on their or any of their behalf;

(c) any of your Affiliates;

(d) any Third-Party Provider or any other person acting on our or any one of our behalf;

(e) any Authority;

(f) any person in connection with our exercising rights or dealing with rights or obligations in connection with the Account or Product (including any actual or potential participants or sub-participants in, assignee, novatee or transferee of, any of our rights to you);

(g) any person when required to do so in accordance with any court proceeding, court order or Law;

(h) any person to whom you expressly or impliedly consent;

(i) any person under a duty of confidentiality to us; or

(j) any person when we consider in good faith that disclosure is necessary for any purpose whatsoever in connection with the Account, Product or any transaction or dealing with you and any agreement, contract or document between you and us.

1.4 The purposes for which personal data may be used are:

(a) in connection with the opening or closing of any Account;

(b) in connection with the provision of any Product or any other services;

(c) in connection with the assessment of any application, management, operation, verification of any transaction, review, respond to any complaints or the resolution of any dispute in relation to any Account, any Product, any other services, transaction or dealing with you;

(d) in connection with the undertaking of any transaction or dealing with you;

(e) in connection with matching for whatever purpose (whether or not with a view to taking any adverse action against you or your Officers) any such personal data with other data in our possession;

(f) in connection with the provision of banker's references about you or your Officers to other financial institutions or other parties;

(g) in connection with conducting checks with any credit reference agency or other persons;

(h) ensuring your and your Officers' ongoing creditworthiness;

(i) determining the amount of your and your Officers' indebtedness;

(j) collection of amounts outstanding from you or your Officers;

(k) considering, promoting, improving and furthering the provision of financial or other services or products to you or your Officers;

(l) detecting or preventing money laundering, terrorist financing and other criminal activities and any purpose relating to or in connection with compliance with any AML Laws and Policies;

(m) enabling an actual or proposed transferee of us or BNP Paribas, or participant or sub-participant of our or BNP Paribas's rights in respect of you to evaluate the transaction intended to be the subject of the assignment, transfer, participation or sub-participation;

(n) in connection with the maintenance, review and development of our or BNP Paribas's business systems, procedures and infrastructure including testing or upgrading of our or BNP Paribas's computer systems;

(o) in connection with our or BNP Paribas's payment system including our or its interface or interaction with the payment systems of other financial institutions, merchants and payment organisations;

(p) management of local and global risk and credit exposures;

(q) in connection with enforcement of obligations;

(r) in connection with our or in compliance with reporting and monitoring

procedures and requirements;

(s) in connection with record keeping, retention of data and data processing purposes including the retaining in central databases and systems (including those located outside of Malaysia); and

(t) any other purpose relating to or in connection with our business or dealings.

1.5 You, your Officers and other individuals have the right to have access to and correction of your or their personal data. In general, and subject to certain exemptions, you and they are entitled to:

(a) enquire whether we hold your or their personal data and the right of access to such data;

(b) request access to your or their personal data within a reasonable time, at a fee which is not excessive, in a reasonable manner and in a form that is intelligible;

(c) request the correction of your or their personal data;

(d) be given reasons if a request for access or correction is refused, and object to any such refusal;

(e) the right to require us to correct any such information relating to you which is inaccurate;

(f) the right to be informed of the kind of such information held by us;

(g) the right to contact us with any inquiries or complains in respect of such information; and

(h) the right to request that such information not be used for direct marketing purposes (you may make a request by informing us at such facsimile number we may from time to time prescribe).

1.6 Before you disclose personal data relating to your Officers or other individuals to us, you must:

(a) ensure that those individuals are aware of the matters set out in this Notice and that they may have Legal rights of access to and correction of information held about them by us; and

(b) procure and you represent and warrant that you have procured their consent to the disclosure and use of their personal data.

1.7 If you or your individual Officers wish to request access to or correction of your or their personal data, you or they should address your or their request to:

Client Engagement & Financial Security
Level 30A, Menara Merdeka Maybank
Persint Merdeka 118
50118 Kuala Lumpur.
Telephone: 0321798361
E-mail: dl.my.cep.malaysia@asia.bnpparibas.com

1.8 We reserve the right to charge a fee for the provision of any information or data requested by you or your Officers or any data access request.

1.9 You agree that we have no obligation to search its records for (or produce for you) any information regarding you, any Account, any Product or any transaction or dealing with you more than 3 years prior to the date of your request for information.

1.10 Subject to any applicable Law, Local Practice and the Personal Data Protection Code of Practice for the Banking and Financial Section/General Code of Practice of Personal Data Protection, we may retain your information for any time period as we deem necessary or desirable (regardless of whether any Account, any Product or the transaction between us has been terminated).

1.11 We shall endeavour to implement the appropriate administrative and security safeguards and procedures in accordance with the applicable laws and regulations to prevent the unauthorized or unlawful processing of your personal data and the accidental loss or destruction of or damage to your personal data.

Further in relation to the safeguard of personal data, we are in compliance with (where applicable):-

(a) the guidelines on security and rules on secrecy pursuant to any local legislations;
(b) the Security Principle as laid out in the Personal Data Protection Code of Practice for the Banking and Financial Section/General Code of Practice of Personal Data Protection; and
(c) the Security Standard as contained in the Personal Data Protection Standard 2015.

## 2. TRANSFER OF INFORMATION TO DIFFERENT JURISDICTION

We may transfer any of the information described in this Notice to any party referred to above within or outside the country in which any BNPP CIB Malaysia Entities is established even though such information may be stored, processed, or used in jurisdictions which do not offer the same Level of protection of confidential or personal information as is enjoyed in the jurisdiction applicable to you.

We reserve the right to amend this Notice from time to time. As such, you are expected to read this Notice each time you wish to provide your personal data to us.

Unless we receive written notice from you objecting to any disclosure by us or if you continue to communicate, deal and/ or transact with us, you, your Officers and other individuals are deemed to have expressly consented to any disclosure made or to be made by us.

## DEFINITIONS

For the purposes of this Notice,

**"Account"** means one or more accounts held by you with us from time to time.

**"Affiliate"** in relation to a company, means any branch of that company or any entity controlled, directly or indirectly, by that company, any entity that controls, directly or indirectly, that company or any entity directly or indirectly under common control with that company. For this purpose, **"control"** of any entity means ownership of 10% or more of the issued share capital of that entity.

**"AML Laws and Policies"** means Laws or policies by us or any Authority relating to anti-money Laundering, counter-terrorism, anti-corruption, anti-bribery, anti-fraud, tax evasion, government sanctions, embargoes or reporting requirements under financial transactions Legislation (including the USA PATRIOT Act and any equivalent or similar Law).

**"Authority"** means any supranational, governmental, quasi-governmental, regulatory, administrative, Law enforcement or supervisory body, entity, department, office, institution or court or tribunal of competent jurisdiction, stock exchange, clearing house or any other authority, body, entity, department, office or institution.

**"BNP Paribas"** means BNP Paribas and its successors and assigns.

**"BNP Paribas Group"** means BNP Paribas, its Affiliates and any of their respective head office, branches, regional offices and representative offices.

**"Law"** means:

(a) treaties, acts, ordinances, regulations, by-Laws, orders, awards, proclamations, directions and practice notes (whether civil, criminal or administrative) of any country, state, territory or Authority concerning any matters including, but not Limited to, capital adequacy, prudential Limits, Liquidity, reserve assets or Tax;

(b) authorisations, certifications, Licences, consents, permits, approvals and requirements of organisations having jurisdiction in connection with the carrying out of the transactions contemplated between you and us;

(c) all other Laws from which Legal rights or obligations may arise; and

(d) any official directive, request, guideline or policy (whether or not having the force of Law) with which responsible banks generally comply with in carrying on their business.

**"Local Practice"** means, in respect of any Account or Product, any rules, guidelines, practices, customs, usages or determinations (regardless of whether they are written or unwritten, issued by an Authority or not, or mandatory or informal) that we determine are applicable to the operation or use of that Account or Product in the location or jurisdiction where that Account is opened or that Product is provided.

**"Officer"** means an officer, employee, personnel, staff, agent, custodian, consultant, or adviser (including auditor, accountant, legal adviser and lawyer) or any other person acting with any representative capacity.

**"personal data"** means any information in respect of commercial transactions, which-

(a) is being processed wholly or partly by means of equipment operating automatically in response to instructions given for that purpose;

(b) is recorded with the intention that it should wholly or partly be processed by means of such equipment; or

(c) is recorded as part of a relevant filing system or with the intention that it should form part of a relevant filing system,

that relates directly or indirectly to a data subject (being an individual who is the subject of that data), who is identified or identifiable from that information or from that and other information in the possession of a data user, including any sensitive personal data and expression of opinion about the data subject; but does not include any information that is processed for the purpose of a credit reporting business carried on by a credit reporting agency under the Credit Reporting Agencies Act 2010.

**"Product"** means any product (including any line, facility or credit facility), service, assistance or support whatsoever provided by us to you from time to time.

**"Taxes"** means taxes (including profit, capital gain, goods and services and value-added or indirect taxes), levies, imposts, charges and duties (including stamp and transaction duties) imposed by any Authority together with any related interest, penalties, fines and expenses in connection with them, except if imposed on, or calculated having regard to, our overall net income.

**"Third Party Provider"** means any contractor, sub-contractor, agent, broker or other person (including intermediary, correspondent or partner bank) providing any service (including administration, telecommunication, information technology, payment, clearance including securities clearance, credit investigation or debt collection service) or Product to you or us and their Officers.

## NOTIS KEPADA PELANGGAN BERKAITAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Kumpulan BNP Paribas dan Entiti BNPP CIB Malaysia (seperti yang tersebut di bawah) memandang serius data peribadi anda.

**"Entiti BNPP CIB Malaysia"** bermakna BNP Paribas Malaysia Berhad, BNP Paribas Labuan Branch dan BNP Paribas Capital (Malaysia) Sdn Bhd.

Semua rujukan di dalam Notis ini kepada **"BNPP", "BNP Paribas"** dan **"kami"** adalah juga merujuk kepada dan termasuk kesemua entiti di dalam Kumpulan BNP Paribas yang memproses data peribadi.

Notis ini dikeluarkan oleh Kumpulan BNP Paribas dan Entiti BNPP CIB Malaysia dan hanya berkaitan dengan pemprosesan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat di dalam Kumpulan BNP Paribas. BNPP tidak bertanggungjawab untuk pemprosesan data peribadi yang anda bekalkan kepada pihak ketiga.

Sebarang laman web pihak ketiga yang anda layari melalui laman web BNPP tidak termasuk di dalam Notis ini dan sebarang pautan ke laman web lain adalah semata-mata untuk kemudahan anda.

### 1. MAKLUMAT MENGENAI KAKITANGAN DAN INDIVIDU-INDIVIDU LAIN

1.1 Kami boleh mengumpul Data Peribadi anda, Pegawai-Pegawai anda dan individu-individu lain sepanjang hubungan kami dengan anda sama ada secara langsung daripada anda, melalui analisia anda, Pegawai anda dan individu urus niaga yang lain, dari pihak ketiga yang diberi kuasa atau mana-mana pihak yang lain atau melalui cara yang lain secara tidak langsung, contohnya melalui laman web dan lain-lain. Data peribadi termasuk data seperti nama, umur, jantina, nombor kad pengenalan, nombor paspot, tarikh lahir, pendidikan, bangsa, etnik, kewarganegaraan, kelayakan kredit, email, data peribadi sensitif termasuklah kesihatan fizikal atau mental atau keadaan perubatan, perlakuan kesalahan atau kesalahan yang didakwa telah dilakukan atau prosiding untuk apa-apa kesalahan yang telah dilakukan atau didakwa telah dilakukan termasuk salah laku lampau atau pelupusan prosiding tersebut atau hukuman mana-mana mahkamah dalam prosiding sedemikian.

1.2 Anda mempunyai pilihan samada mahu membekalkan kepada kami Data Peribadi seperti yang dikehendaki oleh kami. Kegagalan anda untuk membekalkan apa- apa Data Peribadi kepada kami boleh menyebabkan kami tidak boleh membuka atau menguruskan Akaun yang berkenaan atau menyediakan sesuatu Produk kepada anda atau meneruskan mana-mana transaksi atau urusan dengan anda atau membincangkan apa-apa peluang atau berurusan dengan anda tentang perkara-perkara yang lain.

1.3 Data Peribadi anda, Pegawai-Pegawai anda dan individu-individu lain (sama ada yang disediakan oleh anda atau mana-mana pihak yang lain dan sama ada disediakan sebelum atau selepas anda menerima Notis ini) boleh kami kongsikan dan digunakan oleh mana pihak-pihak yang berikut:-

(a) mana-mana Pegawai, juruaudit luar dan syarikat insurans kami;

(b) mana-mana ahli Kumpulan BNP Paribas dan pegawai mereka atau sesiapa yang bertindak bagi pihak mereka atau salah satu daripada mereka;

(c) mana-mana Ahli Gabungan anda;

(d) mana-mana Pembekal Pihak Ketiga atau sesiapa yang bertindak bagi pihak kami atau salah satu daripada kami;

(e) mana-mana Pihak Berkuasa;

(f) mana-mana pihak yang berkaitan dengan hak kami atau berurusan dengan hak atau obligasi berkenaan dengan Akaun atau Produk yang bekenaan (termasuk mana-mana pihak atau pihak yang berpotensi atau sub-peserta, pemegang serahhak, novatee atau penerima pindahan, hak kami yang kepada anda);

(g) mana-mana pihak sekiranya pihak tersebut dikehendaki untuk mendedahkan maklumat tersebut berikutan prosiding mahkamah, perintah mahkamah atau Undang-undang;

(h) mana-mana pihak yang anda izinkan (sama ada secara nyata atau tersirat);

(i) mana-mana pihak yang mempunyai tanggungjawab kerahsiaan kepada kami; atau

(j) mana-mana pihak yang menurut pandangan kami berniat baik bagi tujuan berkaitan dengan dengan Akaun, Produk atau apa-apa transaksi atau urusan dengan anda dan apa-apa perjanjian, kontrak atau dokumen di antara kami dan anda.

1.4 Kami mungkin akan menggunakan Data Peribadi anda bagi tujuan-tujuan yang berikut:

(a) berkaitan dengan pembukaan atau penutupan Akaun;

(b) berkaitan dengan Produk atau perkhidmatan yang lain;

(c) berkaitan dengan penilaian permohonan, pengurusan, operasi, pengesahan transaksi, kajian, tindak balas terhadap aduan atau penyelesaian pertikaian yang berhubungan dengan akaun, Produk, perkhidmatan yang lain, transaksi atau urusan dengan anda;

(d) berkaitan dengan aku janji bagi apa-apa transaksi atau urusan dengan anda;

(e) berkaitan dengan pemadanan diantara Data Peribadi dengan maklumat yang berada di dalam simpanan kami bagi apa jua tujuan (sama ada bagi tujuan mengambil tindakan terhadap anda atau Pegawai anda atau tidak);

(f) berkaitan dengan pembekalan rujukan bank mengenai anda atau Pegawai anda kepada institusi kewangan yang lain atau pihak-pihak lain;

(g) berkaitan dengan pemeriksaan yang dikendalikan dengan mana-mana agensi rujukan kredit atau pihak-pihak lain;

(h) memastikan kepercayaan kredit anda dan Pegawai anda adalah secara berterusan;

(i) menentukan jumlah hutang anda dan Pegawai anda;

(j) menuntut jumlah tertunggak daripada anda atau Pegawai anda;

(k) mempertimbangkan, menggalakkan, meningkatkan dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan kewangan atau perkhidmatan yang lain atau produk kepada anda atau Pegawai anda;

(l) mengesan atau mencegah peLaburan wang haram, kewangan keganasan dan aktiviti jenayah yang lain dan apa-apa tujuan yang berhubungan dengan atau

berkaitan dengan pematuhan sebarang Undang-undang dan Polisi Pencegahan Pengubahan Wang Haram;

(m) membolehkan seseorang penerima pindahan atau penerima pindahan yang kami atau BNP Paribas cadangkan atau peserta atau peserta sampingan hak kami atau hak BNP Paribas yang berkenaan dengan anda untuk menilai transaksi yang dicadangkan akan menjadi subjek bagi penyerahakkan, pemindahan, penyertaan atau sub-penyertaan;

(n) berkaitan dengan penyelenggaraan, kajian dan pembangunan sistem perniagaan, tatacara dan infrastruktur kami atau BNP Paribas termasuk ujian atau peningkatan sistem komputer kami atau BNP Paribas;

(o) berkaitan dengan sistem pembayaran kami atau BNP Paribas termasuk antara muka pelayar web kami atau BNP Paribas atau interaksi dengan sistem pembayaran institusi kewangan yang lain, peniaga dan organisasi pembayaran;

(p) pegurusan risiko tempatan dan global dan pendedahan kredit;

(q) berkaitan dengan penguatkuasaan obligasi;

(r) berkaitan dengan kami atau pematuhan laporan dan pemantauan prosedur dan syarat;

(s) berkaitan dengan simpanan rekod, tujuan penyimpanan dan pemprosesan data termasuk simpanan di pusat-pusat database dan sistem-sistem (termasuk rekod dan data yang disimpan di luar Malaysia); dan

(t) apa-apa tujuan yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan perniagaan atau operasi kami.

1.5 Anda, Pegawai-pegawai anda dan individu-individu lain mempunyai akses kepada Data Peribadi anda atau mereka, mempunyai hak untuk membetulkan Data Peribadi anda atau mereka. Tertakluk kepada pengecualian-pengecualian tertentu, anda dan mereka secara umumnya mempunyai hak untuk:

(a) menyiasat sama ada kami menyimpan Data Peribadi anda atau mereka dan memiliki akses kepada maklumat tersebut;

(b) dalam jangka masa yang munasabah dan dengan sejumlah bayaran yang tidak melampau meminta akses kepada Data Peribadi anda atau mereka, melalui cara yang munasabah dan dalam bentuk yang boleh difahami;

(c) memohon pembetulan Data Peribadi anda atau mereka;

(d) dimaklumkan sebab-sebab jika permintaan untuk akses kepada atau pembetulan maklumat tertentu ditolak dan membantah apa-apa penolakan tersebut;

(e) meminta kami untuk membetulkan apa-apa maklumat anda atau mereka yang tidak tepat;

(f) dimaklumkan mengenai jenis maklumat yang berada di dalam simpanan kami;

(g) menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan atau aduan yang berkenaan dengan maklumat anda atau mereka;

(h) meminta agar maklumat anda atau mereka tidak digunakan untuk tujuan pemasaran langsung (anda boleh membuat permintaan ini dengan memaklumkan kepada kami melalui nombor faksimili yang kami maklumkan dari

masa ke masa).

1.6 Sebelum anda berkongsi Data Peribadi mengenai Pegawai anda atau individu-individu lain dengan kami, anda perlu:

(a) memastikan individu-individu berkenaan mengambil maklum tentang segala perkara yang dinyatakan dalam Notis ini dan mereka boleh mempunyai akses kepada maklumat mereka yang berada di dalam simpanan kami dan boleh membetulkan maklumat tersebut menurut peruntukan undang-undang yang berkenaan; dan

(b) mendapatkan dan anda menyatakan dan menjamin (represent and warrant) bahawa anda telah memperoleh kebenaran untuk menzahirkan Data Peribadi mengenai Pegawai anda atau individu-individu lain kepada kami.

1.7 Jika anda atau Pegawai anda ingin meminta akses kepada atau membetulkan apa-apa Data Peribadi anda atau mereka, anda atau mereka perlu membuat permintaan tersebut kepada alamat yang berikut:

Jabatan Perkhidmatan Pelanggan & Keselamatan Kewangan
Level 30A, Menara Merdeka Maybank
Persint Merdeka 118
50118 Kuala Lumpur.
Telephone: 0321798361
E-mail: dl.my.cep.malaysia@asia.bnpparibas.com

1.8 Kami boleh mengenakan fi tertentu untuk menyediakan apa-apa maklumat atau memberikan akses kepada apa-apa maklumat yang diminta oleh anda atau Pegawai anda.

1.9 Anda bersetuju bahawa kami hanya akan bertanggungjawab untuk membuat carian bagi mendapatkan (atau mengemukan kepada anda) apa-apa maklumat mengenai anda, mana-mana Akaun, mana-mana Produk atau apa-apa transaksi atau urusan dengan anda sekiranya maklumat tersebut adalah di dalam tempoh 3 tahun sebelum anda membuat permintaan tersebut.

1.10 Tertakluk kepada mana-mana undang-undang yang berkenaan, Amalan Tempatan dan Kod Tata Amalan Perlindungan Data Peribadi untuk Sektor Perbankan dan Institusi Kewangan/Tataamalan Umum Perlindungan Data Peribadi, kami boleh menyimpan maklumat anda untuk satu tempoh masa sebagaimana yang kami fikirkan perlu atau wajar (tanpa mengambil kira samada Akaun, Produk atau transaksi di antara anda dengan kami telah ditamatkan atau tidak).

1.11 Kami akan melaksanakan pentadbiran dan perlindungan keselamatan yang selayaknya berserta prosedur menurut peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkenaan bagi mengelakkan pemprosesan data peribadi anda secara tidak sah ataupun bercanggah dengan peruntukkan undang-undang dan kehilangan secara tidak sengaja atau kehilangan atau kerosakkan terhadap data peribadi anda.

Sehubungan dengan perlindungan data peribadi anda, kami mematuhi (yang mana berkenaan):-

(i) Garis panduan keselamatan dan peraturan kerahsiaan yang mengikuti mana-mana undang-undang tempatan;

(ii) Prinsip keselamatan sepertimana diperuntukkan oleh Tataamalan Data Peribadi bagi Sektor Perbankan dan Kewangan/Tataamalan Umum Perlindungan Data Peribadi; dan

(iii) Standard keselamatan sepertimana yang diperuntukan oleh Standard Perlindungan Data Peribadi 2015.

## 2. PEMINDAHAN MAKLUMAT KEPADA BIDANG KUASA YANG LAIN

Kami boleh memindahkan apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Notis ini kepada mana-mana pihak yang tersebut di atas di dalam atau di luar negara dimana mana-mana Entiti BNPP CIB Malaysia ditubuhkan walaupun maklumat tersebut mungkin disimpan, diproses atau digunakan dalam bidang kuasa yang tidak menawarkan perlindungan maklumat sulit atau peribadi pada tahap yang sama dengan perlindungan yang boleh dinikmati oleh anda dalam bidang kuasa yang dikenakan kepada anda.

Kami berhak untuk meminda Notis ini dari masa ke masa. Oleh yang demikian, anda perlu membaca Notis ini setiap kali anda memberi data peribadi anda kepada kami.

Sekiranya kami tidak menerima notis bertulis daripada anda yang menyatakan bahawa anda tidak bersetuju untuk kami membuat apa-apa penzahiran atau jika anda terus berkomunikasi, berurusan dan/atau bertransaksi dengan kami, anda, Pegawai-Pegawai anda dan individu-individu lain dianggap telah bersetuju dengan penzahiran yang dibuat atau akan dibuat oleh kami.

## DEFINISI

Bagi tujuan Notis ini,

**"Akaun"** bermaksud satu atau lebih akaun yang dipegang oleh anda dengan kami dari masa ke masa.

**"Amalan Tempatan"** bermaksud, bagi akaun atau Produk, peraturan, garis panduan, amalan, adat resam, kelaziman atau penentuan (sama ada bertulis atau tidak bertulis, sama ada dikeluarkan oleh sesuatu Pihak Berkuasa atau tidak, atau sama ada wajib atau tidak formal) yang kami berpendapat adalah berkenaan degan pengendalian atau penggunaan Akaun atau Produk tersebut dalam lokasi atau bidang kuasa di mana Akaun tersebut dibuka atau Produk tersebut disediakan.

**"BNP Paribas"** bermaksud BNP Paribas dan pengganti hak milik dan pemegang serahhak bagi BNP Paribas.

**"Cukai"** bermaksud segala cukai (termasuk keuntungan, keuntungan modal, cukai barangan dan perkhidmatan dan cukai nilai ditambah atau cukai tidak langsung), levi, impos, caj dan tugas (termasuk setem dan duti transaksi) yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa berserta

dengan apa-apa kepentingan, penalti, denda dan perbelanjaan yang berkaitan, kecuali cukai yang dikenakan ke atas atau cukai yang ditentukan dengan mengambil kira, pendapatan bersih keseluruhan kami.

**"Data Peribadi"** bermaksud apa-apa maklumat berkenaan dengan transaksi komersial yang:

(a) sedang diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu;

(b) direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan itu; atau

(c) direkodkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan,

yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data (iaitu seseorang individu yang menjadi subjek data peribadi itu), yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan penyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi maksud suatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

**"Gabungan"** bagi sebuah syarikat tertentu, bermaksud mana-mana cawangan syarikat tersebut, mana-mana entiti yang dikawal oleh syarikat tersebut secara langsung atau tidak langsung, mana-mana entiti yang mengawal syarikat tersebut secara langsung atau tidak langsung atau mana-mana entiti yang, secara langsung atau tidak langsung, berada di bawah kawalan yang sama dengan syarikat tersebut. Bagi tujuan ini, **"kawalan"** mana-mana entiti bermaksud kepemilikan modal saham terbitan dalam entiti tersebut adalah sebanyak 10% atau lebih dari 10%.

**"Kumpulan BNP Paribas"** bermaksud BNP Paribas, Ahli Gabungan BNP Paribas dan mana-mana ibu pejabat, cawangan, pejabat serantau dan pejabat perwakilan BNP Paribas.

**"Pegawai"** bermaksud seseorang pegawai, pekerja, kakitangan, ejen, penjaga, konsultan atau penasihat (termasuk juruaudit, akauntan, penasihat undang-undang dan peguam) atau mana-mana pihak lain yang bertindak sebagai wakil.

**"Pembekal Pihak Ketiga"** bermaksud mana-mana kontraktor, sub-kontraktor, ejen, broker atau pihak-pihak lain (termasuk perantara, koresponden atau rakan kongsi bank) yang menyediakan apa-apa perkhidmatan (termasuk perkhidmatan pentadbiran, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan teknologi maklumat, perkhidmatan pembayaran, pelepasan sekuriti, penyiasatan kredit atau perkhidmatan kutipan hutang) atau Produk kepada anda atau kami dan Pegawai masing-masing.

**"Pihak Berkuasa"** bermaksud mana-mana badan, entiti, jabatan, pejabat, institusi atau mahkamah atau tribunal yang mempunyai bidang kuasa kompeten, bursa saham, rumah penjelasan atau mana-mana pihak berkuasa, badan, entiti, jabatan, pejabat atau institusi lain yang berhubungan dengan mana-mana supranasional, kerajaan, separa kerajaan, peraturan, pentadbiran, penguatkuasaan undang-undang atau penyeliaan.

**"Produk"** bermaksud mana-mana produk (termasuk mana-mana kemudahan pinjaman

atau kredit), perkhidmatan, bantuan atau sokongan yang kami berikan kepada anda dari masa ke masa.

**"Undang-undang"** bermaksud:

(a) triti, akta, ordinan, peraturan-peraturan, undang-undang kecil, perintah, anugerah, pengisytiharan, arahan dan nota amalan (sama ada berkaitan dengan sivil, jenayah atau pentadbiran) bagi mana-mana negara, negeri, wilayah atau Pihak Berkuasa mengenai apa-apa perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kecukupan modal, had kehematan, mudah tunai, aset rizab atau Cukai;

(b) pemberikuasaan, pensijilan, lesen, kebenaran, permit, kelulusan dan syarat organisasi yang mempunyai bidang kuasa yang berkaitan dengan pelaksanaan transaksi yang akan dipertimbangkan antara anda dan kami;

(c) segala Undang-undang lain yang membawa kepada apa-apa hak sah atau obligasi; dan

(d) apa-apa arahan rasmi, permintaan, garis panduan atau polisi (sama ada di bawah undang-undang yang berkuatkuasa atau tidak) yang dipatuhi oleh bank-bank secara amnya semasa mengendalikan perniagaan mereka.

**"Undang-undang dan Polisi Pencegahan Pengubahan Wang Haram"** bermaksud mana-mana Undang-undang atau polisi-polisi kami atau polisi-polisi mana-mana Pihak Berkuasa yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan, pencegahan rasuah, pencegahan penyelewengan, pengelakan cukai, sekatan kerajaan, sekatan atau keperluan laporan di bawah undang-undang transaksi kewangan (termasuk Akta PATRIOT Amerika Syarikat dan mana-mana undang-undang yang bersamaan.